

“Kesan serangan leptospirosis daripada haiwan lain terhadap kesihatan manusia sama seperti jangkitan kencing tikus

Prof Dr Zamberi



HARIAN METRO

Lembu bawa leptospirosis

■ **Bakteria patogen melalui kencing haiwan lain sama bahaya seperti tikus**

FOTO: ROHANIS SHUKRI

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

Serdang

Leptospirosis atau jangkitan kencing tikus bukan saja berpunca daripada tikus sebaliknya bakteria itu ada pada pembawa lain iaitu binatang ternakan, haiwan liar dan binatang peliharaan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Zamberi Sekawi berkata, bakteria yang dipanggil patogen melalui air kencing itu boleh berlaku daripada haiwan seperti rusa, kelawar, lembu, kerbau dan anjing.

“Tikus bukan saja menjadi punca leptospirosis kerana haiwan lain juga boleh menjadi faktor manusia dijang-



DR Zamberi (dua dari kanan) bersama penyelidik Marga Goris (dari kiri), Prof Dr Vasantha Kumari, Dr Rudy Hariskeerl dan Prof Dr Rukman Awang Hamat (kanan) pada pelancaran bengkel GLEAN-MYLEPTO 2016 di UPM, semalam.

kuti bakteria patogen. Kesan serangan leptospirosis daripada haiwan lain terhadap kesihatan manusia sama seperti jangkitan kencing tikus.

“Bakteria patogen itu keluar daripada kencing haiwan, seterusnya menjangkiti manusia yang mandi da-

lam air tenang dicemari kuman itu. Ia memasuki badan melalui luka atau masuk melalui mulut, hidung dan mata,” katanya dalam sidang media pada bengkel penyakit kencing tikus, di sini, semalam.

Katanya, berdasarkan sumber Kementerian Kes-

ihatan, Malaysia merekodkan kes leptospirosis melebihi 8,000 kes dengan kematian 78 orang pada 2015.

“Sehingga 17 September lalu, jumlah kes yang diterima kementerian pada tahun ini melebihi 3,000 kes dengan 17 kematian.

“Mereka yang mendapat

“

Sehingga 17 September lalu, jumlah kes yang diterima kementerian pada tahun ini melebihi 3,000 kes dengan 17 kematian”

Prof Dr Zamberi

leptospirosis tidak sedar mendapat serangan bakteria itu kerana gejala seperti demam muncul selepas dua minggu dijangkiti. Jika demam berterusan ia boleh mengakibatkan kegagalan jantung, ginjal dan paru-paru seterusnya membawa maut,” katanya.

Menurutnya, setakat ini tiada vaksin untuk mencegah jangkitan itu, sebaliknya pengambilan antibiotik mampu membunuh bakteria berkenaan.

Serdang

Latih juruteknik makmal mahir

Malaysia menerusi Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Sains Malaysia (USM) bakal melahirkan juruteknik makmal terlatih menjalankan penyelidikan leptospirosis menerusi bengkel penyakit kencing tikus Global Leptospirosis Environmental Action (GLEAN) dan Malaysia Leptospirosis Research Network (MYLEPTO) 2016.

Bengkel di UPM yang bermula semalam hingga 10 Oktober ini membincangkan beberapa isu berkaitan leptospirosis dan proses pengesanan yang turut disertai peserta dari Asia Tenggara.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTM) memperuntukkan RM4.7 juta bagi tujuan menjalankan proses penyelidikan leptospirosis itu.